

P.U. (A) 32.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PERUNTUKAN MAKLUMAT MENGENAI INSURANS DEPOSIT) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 209 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2011.

Tafsiran

2. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“deposit tidak diinsuranskan” ertinya—

- (a) suatu deposit yang dikecualikan di bawah mana-mana subperenggan 41(a)(A) hingga (D) Akta; atau
- (b) suatu liabiliti atau surat cara kewangan yang telah ditentukan oleh Perbadanan sebagai dikecualikan di bawah subperenggan 41(a)(E) Akta;

“iklan” ertinya penyebaran atau penyampaian maklumat, pelawaan atau permintaan, dalam bercetak atau pada laman sesawang bagi maksud mempromosikan atau menawarkan jualan suatu deposit, termasuklah melalui—

- (a) penyiaran dalam mana-mana akhbar, majalah, jurnal atau terbitan berkala lain;
- (b) pameran sepanduk, panji-panji, poster dan notis; dan
- (c) pekeliling, surat sebaran, brosur, risalah, buku atau dokumen lain,

tetapi tidak termasuk apa-apa papan iklan, alat tulis dan barang promosi;

“pejabat” ertinya suatu tempat perniagaan utama, suatu cawangan, suatu agensi, suatu tempat perniagaan bergerak, suatu tempat perniagaan yang ditubuhkan dan disenggarakan bagi sesuatu tempoh terhad sahaja dan apa-apa tempat perniagaan lain di Malaysia;

“penyata jumlah deposit diinsuranskan” ertinya penyata yang diperakui dan dikemukakan oleh suatu anggota penerima deposit dalam bentuk dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dikehendaki di bawah garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa;

“surat cara” ertinya apa-apa perjanjian atau dokumen tetapi tidak termasuk apa-apa slip bank, cek, draf bank, kad atau apa-apa komunikasi lain yang merupakan suatu bentuk pengesahan sementara, atau merekodkan atau mengesahkan berlakunya suatu transaksi kewangan, pembayaran atau kutipan;

“deposit hibrid” ertinya suatu deposit yang mempunyai kedua-dua komponen deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan;

“produk hibrid” ertinya produk yang mempunyai kedua-dua komponen—

- (a) suatu deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan; dan
- (b) suatu produk bukan deposit;

“produk bukan deposit” termasuklah suatu skim unit amanah, pelan insurans, pelan takaful, kemudahan kredit konvensional dan kemudahan pembiayaan Islam.

Surat cara yang membuktikan deposit diinsuranskan

3. (1) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan apa-apa surat cara secara bertulis atau melalui cara elektronik yang membuktikan suatu deposit diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah memasukkan, pada mukanya, salah satu daripada pernyataan yang berikut atau suatu pernyataan yang secara mantannya mempunyai maksud yang sama:

- (a) “Layak dilindungi oleh PIDM”; atau
- (b) “Layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan apa-apa surat cara secara bertulis atau melalui cara elektronik yang membuktikan lebih daripada satu deposit diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah memasukkan salah satu pernyataan yang disebut dalam subperaturan (1) berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan setiap deposit diinsuranskan.

Surat cara yang membuktikan deposit tidak diinsuranskan

4. (1) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan apa-apa surat cara secara bertulis atau melalui cara elektronik yang membuktikan suatu deposit tidak diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah memasukkan pada mukanya salah satu daripada pernyataan yang berikut atau suatu pernyataan yang secara mantannya mempunyai maksud yang sama:

- (a) “Tidak diinsuranskan oleh PIDM”; atau
- (b) “Tidak diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan apa-apa surat cara secara bertulis atau melalui cara elektronik yang membuktikan lebih daripada satu deposit tidak diinsuranskan, anggota penerima deposit hendaklah memasukkan salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan (1) berhampiran dengan bahagian surat cara itu yang membuktikan setiap deposit tidak diinsuranskan.

Surat cara yang membuktikan deposit hibrid

5. (1) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan suatu deposit hibrid kepada mana-mana orang secara bertulis atau melalui cara elektronik, surat cara itu hendaklah mengandungi pada mukanya—

- (a) suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen mana ialah suatu deposit diinsuranskan dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit diinsuranskan itu; dan
- (b) suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen mana ialah suatu deposit tidak diinsuranskan dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan itu,

bagi membezakan secara jelas antara komponen deposit diinsuranskan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan dalam deposit hibrid itu.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan lebih daripada satu deposit hibrid kepada mana-mana orang secara bertulis atau melalui cara elektronik, surat cara itu hendaklah mengandungi, bagi setiap deposit hibrid, berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan deposit hibrid itu—

- (a) suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen mana ialah suatu deposit diinsuranskan dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit diinsuranskan itu; dan
- (b) suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen mana ialah suatu deposit tidak diinsuranskan dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan itu,

bagi membezakan secara jelas antara komponen deposit diinsuranskan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan dalam setiap deposit hibrid itu.

Surat cara yang membuktikan produk hibrid

6. (1) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan suatu produk hibrid kepada mana-mana orang secara bertulis atau melalui cara elektronik, surat cara itu hendaklah mengandungi pada mukanya—

- (a) jika produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit diinsuranskan, suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen itu dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit diinsuranskan itu; atau
- (b) jika produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit tidak diinsuranskan, suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen itu dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan itu,

bagi membezakan secara jelas antara komponen deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan dengan komponen produk bukan deposit dalam produk hibrid itu.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan lebih daripada satu produk hibrid kepada mana-mana orang secara bertulis atau melalui cara elektronik, surat cara itu hendaklah mengandungi bagi setiap produk hibrid, berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan produk hibrid itu—

- (a) apabila produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit diinsuranskan, suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen itu dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit diinsuranskan itu; atau

- (b) apabila produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit tidak diinsuranskan, suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen itu dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan itu,

bagi membezakan secara jelas antara komponen deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan dengan komponen produk bukan deposit bagi setiap produk hibrid itu.

Surat cara yang membuktikan deposit dan produk berganda

7. Apabila suatu anggota penerima deposit mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan satu atau lebih deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan, deposit hibrid dan produk hibrid kepada mana-mana orang secara bertulis atau melalui cara elektronik, surat cara itu hendaklah membezakan setiap deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan, deposit hibrid dan produk hibrid, dan hendaklah mengandungi berhampiran dengan bahagian surat cara yang membuktikan setiap—

- (a) deposit diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1);
- (b) deposit tidak diinsuranskan, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1);
- (c) deposit hibrid, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) dan salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) bagi membezakan secara jelas antara komponen deposit diinsuranskan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan; dan
- (d) produk hibrid, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam—
 - (i) subperaturan 3(1), apabila produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit diinsuranskan; atau
 - (ii) subperaturan 4(1), apabila produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit tidak diinsuranskan,

bagi membezakan secara jelas antara komponen deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan dengan komponen produk bukan deposit dalam produk hibrid itu.

Skim amanah saham

8. Sebelum penjualan apa-apa unit dalam suatu skim amanah saham oleh suatu anggota penerima deposit kepada mana-mana orang, anggota penerima deposit hendaklah mendapatkan perakuan daripada orang itu bahawa anggota penerima deposit telah menzahirkan kepadanya bahawa—

- (a) skim unit amanah dan unit dalam skim itu tidak diinsuranskan oleh Perbadanan; dan

- (b) apa-apa wang yang dikeluarkan daripada suatu deposit yang diinsuranskan bagi maksud pembelian apa-apa unit dalam suatu skim unit amanah tidak diinsuranskan oleh Perbadanan.

Am

9. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah membuat representasi yang benar, betul dan lengkap berkenaan dengan—

- (a) apa yang merupakan, atau tidak merupakan, suatu deposit diinsuranskan; dan
- (b) statusnya sebagai anggota penerima deposit.

(2) Suatu anggota penerima deposit tidak boleh membuat suatu representasi berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan 1(a) dan (b) jika keanggotaannya telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah seksyen 38 dan 39 Akta.

Representasi keanggotaan

10. (1) Berkenaan dengan statusnya sebagai suatu anggota penerima deposit, anggota penerima deposit hendaklah membuat sekurang-kurangnya satu daripada representasi yang berikut, atau suatu representasi yang secara mantannya mempunyai maksud yang sama dengan mana-mana representasi yang berikut, dalam iklannya:

- (a) “Anggota Perbadanan Insurans Deposit Malaysia” atau “Suatu anggota Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”;
- (b) “Anggota PIDM” atau “Suatu anggota PIDM”;
- (c) “(nama anggota penerima deposit) ialah suatu anggota Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”; atau
- (d) “(nama anggota penerima deposit) ialah suatu anggota PIDM”.

(2) Representasi yang dibuat dalam subperaturan (1) hendaklah dalam saiz dan cetakan yang secara jelasnya mudah dibaca.

Dekatnya representasi keanggotaan

11. (1) Apabila iklan itu berurusan dengan apa-apa deposit diinsuranskan, salah satu daripada representasi yang disebut dalam subperaturan 10(1) hendaklah kelihatan berhampiran dengan nama anggota penerima deposit dan salah satu daripada pernyataan yang dinyatakan dalam subperaturan 3(1) hendaklah kelihatan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit diinsuranskan itu.

(2) Apabila iklan itu berurusan dengan apa-apa deposit tidak diinsuranskan, salah satu daripada representasi yang disebut dalam subperaturan 10(1) hendaklah kelihatan berhampiran dengan nama anggota penerima deposit dan salah satu daripada pernyataan yang dinyatakan dalam subperaturan 4(1) hendaklah kelihatan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit tidak diinsuranskan itu.

(3) Apabila iklan itu berurusan dengan apa-apa deposit hibrid, salah satu daripada representasi yang disebut dalam subperaturan 10(1) hendaklah kelihatan berhampiran dengan nama anggota penerima deposit, dan bagi maksud menjadi suatu perbezaan yang jelas antara komponen deposit diinsuranskan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan dalam deposit hibrid itu, pernyataan yang berikut hendaklah kelihatan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan deposit hibrid itu:

- (a) suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen mana ialah suatu deposit diinsuranskan dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit diinsuranskan itu; dan
- (b) suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen mana ialah suatu deposit tidak diinsuranskan dan bagi maksud itu, salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan itu.

(4) Apabila iklan itu berurusan dengan apa-apa produk hibrid, salah satu daripada representasi yang disebut dalam subperaturan 10(1) hendaklah kelihatan berhampiran dengan nama anggota penerima deposit, dan bagi maksud menjadi suatu perbezaan yang jelas antara komponen deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan dengan komponen produk bukan deposit dalam produk hibrid, salah satu daripada pernyataan yang berikut hendaklah kelihatan berhampiran dengan bahagian iklan yang berurusan dengan produk hibrid itu:

- (a) apabila produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit diinsuranskan, suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen itu dan bagi maksud itu salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 3(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit diinsuranskan itu; atau
- (b) apabila produk hibrid itu mempunyai sebagai komponennya suatu deposit tidak diinsuranskan, suatu pernyataan untuk mengenal pasti komponen itu dan bagi maksud itu salah satu daripada pernyataan yang disebut dalam subperaturan 4(1) boleh digunakan berkenaan dengan komponen deposit tidak diinsuranskan itu.

(5) Peraturan ini terpakai sama ada iklan itu merujuk—

- (a) hanya kepada suatu anggota penerima deposit; atau
- (b) kepada suatu anggota penerima deposit dan seorang orang selain suatu anggota penerima deposit.

Brosur insurans deposit

12. (1) Perbadanan hendaklah membekalkan kepada setiap anggota penerima deposit salinan suatu brosur yang mengandungi mana-mana yang berikut:

- (a) maklumat am tentang Perbadanan;
- (b) maklumat untuk menghubungi Perbadanan;
- (c) logo atau pengenalan lain Perbadanan;
- (d) maklumat mengenai apa yang merupakan suatu deposit diinsuranskan;
- (e) maklumat mengenai apa yang merupakan suatu deposit tidak diinsuranskan;
- (f) amaun maksimum perlindungan insurans deposit yang disediakan oleh Perbadanan; dan
- (g) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan sebagai relevan kepada pendeposit.

(2) Perbadanan boleh mengemaskini maklumat yang terkandung dalam brosur dari semasa ke semasa dan membekalkan salinan brosur yang dikemaskinkan kepada setiap anggota penerima deposit bagi edarannya kepada semua pejabatnya.

Mempamerkan brosur

13. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang disifatkan sebagai perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan, mempamerkan secara ketara salinan brosur yang dirujuk dalam subperaturan 12(1) di setiap pejabatnya dan hendaklah menyediakan salinan brosur itu kepada pendeposit atau orang lain.

(2) Suatu anggota penerima deposit hendaklah, pada halaman utama atau pelindung skrinnya di setiap mesin teler automatik, memaklumkan pendeposit atau orang lain bahawa salinan brosur itu adalah disediakan di setiap pejabatnya dan salinan brosur itu boleh didapati di mana-mana pejabatnya atau pada laman sesawang Perbadanan, dan pada laman sesawang anggota penerima deposit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Lambang keanggotaan

14. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah mempamerkan lambang keanggotaan yang disediakan oleh Perbadanan, dalam bentuk termasuk saiz dan perkadaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan, secara ketara di setiap pintu masuk ke setiap pejabatnya agar lambang keanggotaan itu jelas kelihatan.

(2) Apabila suatu anggota penerima deposit mengosongkan pejabat, ia hendaklah menanggalkan semua lambang keanggotaan daripada pejabat yang dikosongkan itu.

(3) Suatu anggota penerima deposit hendaklah mempamerkan lambang keanggotaan yang disediakan oleh Perbadanan—

- (a) pada laman sesawang anggota penerima deposit mengikut peraturan 15; dan
- (b) pada pelindung skrin atau halaman utama di setiap mesin teler automatik anggota penerima deposit.

Maklumat insurans deposit pada laman sesawang

15. (1) Apabila suatu anggota penerima deposit mempunyai laman sesawangnya sendiri atau berkongsi suatu laman sesawang dengan anggota penerima deposit yang lain, anggota penerima deposit itu hendaklah—

- (a) mempamerkan pada laman sesawang itu lambang keanggotaan yang disebut dalam subperaturan 14(3)—
 - (i) pada halaman utama atau di mana-mana jua terdapat representasi berhubung dengan deposit diinsuranskan; atau
 - (ii) pada suatu halaman sesawang, yang mana suatu hiperlink disediakan pada suatu lokasi yang disebut dalam subperenggan (i) yang memperihalkan halaman itu sebagai lokasi yang mempamerkan lambang keanggotaan; dan
- (b) sama ada—
 - (i) mempamerkan brosur yang dirujuk dalam subperaturan 12(1) pada suatu halaman sesawang pada laman sesawang tu, yang mana suatu hiperlink disediakan di suatu lokasi yang disebut dalam subperenggan (a)(i) yang memperihalkan halaman itu sebagai lokasi di mana brosur itu dipamerkan; atau
 - (ii) menyediakan suatu hiperlink di suatu lokasi yang disebut dalam subperenggan (a)(i) ke halaman sesawang Perbadanan yang mengandungi brosur itu.

(2) Jika suatu anggota penerima deposit berkongsi laman sesawang dengan seorang selain daripada suatu anggota penerima deposit, anggota penerima deposit itu hendaklah—

- (a) mempamerkan pada laman sesawang itu, lambang keanggotaan yang disebut dalam subperaturan 14(3)—
 - (i) apabila terdapat representasi berhubung dengan deposit diinsuranskan; atau
 - (ii) pada suatu halaman sesawang, yang mana suatu hiperlink disediakan di lokasi yang disebut dalam subperenggan (i) yang memperihalkan halaman itu sebagai lokasi yang mempamerkan lambang keanggotaan; dan

(b) sama ada—

- (i) mempamerkan brosur yang dirujuk dalam subperaturan 12(1) pada suatu halaman sesawang pada laman sesawang itu, yang mana hiperlink disediakan di suatu lokasi yang dirujuk dalam subperenggan (a)(i) yang memperihalkan halaman itu sebagai lokasi yang mempamerkan brosur itu; atau
- (ii) menyediakan suatu hiperlink di suatu lokasi yang dirujuk dalam subperenggan (a)(i) ke halaman sesawang Perbadanan yang mengandungi brosur itu.

(3) Apabila lambang keanggotaan dipamerkan oleh suatu anggota penerima deposit mengikut perenggan (1)(a) atau (2)(a), perubahan boleh dibuat kepada saiz keseluruhannya bagi maksud paparan elektronik asalkan perkadaran lambang keanggotaan itu, sebagaimana yang disediakan oleh Perbadanan, dikekalkan dan saiz lambang keanggotaan itu yang jelasnya mudah dibaca.

Peruntukan maklumat mengenai deposit

16. Suatu anggota penerima deposit hendaklah memberikan Perbadanan sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa—

- (a) maklumat yang berhubung dengan semua deposit, atau liabiliti atau surat cara kewangan lain yang ditawarkan oleh anggota penerima deposit; dan
- (b) maklumat yang berhubung dengan apa-apa deposit baru, atau liabiliti atau surat cara kewangan lain, sebelum ianya ditawarkan untuk dijual.

Daftar deposit diinsuranskan

17. (1) Suatu anggota penerima deposit hendaklah menyediakan suatu daftar deposit diinsuranskan.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi setiap jenis deposit diinsuranskan.

(3) Daftar itu hendaklah dikemaskinikan apabila apa-apa tanggungan atau surat cara kewangan yang baru yang merupakan suatu deposit diinsuranskan ditawarkan untuk dijual, atau apabila tiada lagi tanggungan yang belum dijelaskan berkenaan dengan suatu deposit diinsuranskan.

(4) Daftar itu hendaklah—

- (a) dipamerkan secara ketara dalam bentuk bercetak di pejabat anggota penerima deposit yang menjalankan aktiviti menerima deposit; atau
- (b) pada laman sesawang anggota penerima deposit.

(5) Apabila daftar itu terdapat pada laman sesawang suatu anggota penerima deposit di bawah perenggan (4)(b), anggota penerima deposit itu hendaklah mempamerkan secara ketara di pejabatnya di mana aktiviti menerima deposit dijalankan suatu notis yang memaklumkan orang awam bahawa daftar itu tersedia pada laman sesawang anggota penerima deposit.

(6) Suatu anggota penerima deposit hendaklah menyediakan, secara percuma, sesalinan daftar itu kepada mana-mana orang atas permintaan.

(7) Suatu anggota penerima deposit hendaklah mengemukakan sesalinan daftar yang dikemaskinikan setakat 30 Mei setiap tahun kepada Perbadanan pada masa yang sama dengan pengemukaan penyata mengenai jumlah deposit diinsuranskan.

Perakuan oleh pendeposit

18. (1) Setiap pernyataan yang dibuat di bawah mana-mana peraturan 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 hendaklah dalam saiz dan cetakan yang secara jelasnya mudah dibaca.

(2) Mana-mana anggota penerima deposit hendaklah, sebaik sebelum pembukaan apa-apa akaun atau pembelian apa-apa deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan oleh mana-mana orang daripada anggota penerima deposit—

- (a) menarik perhatian orang itu ke atas pernyataan yang dibuat di bawah mana-mana peraturan 3, 4, 5 dan 6 yang berkenaan dengan sama ada wang yang diterima oleh anggota penerima deposit itu ialah suatu deposit diinsuranskan atau deposit tidak diinsuranskan;
- (b) memberikan orang itu sesalinan apa-apa brosur yang dibekalkan oleh Perbadanan mengikut subperaturan 12(1); dan
- (c) meminta suatu perakuan bertulis daripada orang itu bahawa dia telah dimaklumkan mengenai pernyataan menurut perenggan (a) dan menerima brosur menurut perenggan (b).

Bentuk pengemukaan

19. Perbadanan boleh menentukan dalam garis panduan apa-apa bentuk dan cara untuk membuat atau pengemukaan apa-apa representasi, pernyataan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini.

Pengemukaan maklumat

20. Suatu anggota penerima deposit hendaklah mengemukakan maklumat yang berikut kepada Perbadanan apabila dikehendaki oleh Perbadanan dan dalam tempoh yang disifatkan sebagai perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan:

- (a) suatu profil deposit diinsuranskan, deposit tidak diinsuranskan, deposit hibrid dan produk hibrid;

- (b) suatu perihalan terperinci mengenai cara yang digunakan oleh anggota penerima deposit untuk mengumpulkan maklumat mengenai deposit diinsuranskan dan deposit tidak diinsuranskan; dan
- (c) apa-apa perincian akaun pendeposit sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan pendeposit, baki yang tinggal (termasuk segala bunga atau pulangan yang genap kena dibayar atau kena dibayar) di dalam akaun pendeposit masing-masing setakat apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Perbadanan, dan, tarikh matang deposit dalam akaun pendeposit masing-masing, mengikut mana yang berkenaan.

Dibuat 12 Januari 2011
[PIDM/PN/1/2011; PN(PU²)689]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 21 Januari 2011
[KK/BPKA/K1/(S)/382/342/3-1 Jld. 4; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (PROVISION OF INFORMATION ON DEPOSIT INSURANCE) REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by section 209 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Provision of Information on Deposit Insurance) Regulations 2011**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2011.

Interpretation

2. (1) For the purposes of these Regulations—

“uninsured deposit” means—

(a) a deposit that is excluded under any of subparagraphs 41(a)(A) to (D) of the Act; or

(b) a liability or financial instrument which the Corporation has specified to be excluded under subparagraph 41(a)(E) of the Act;

“advertisement” means the disseminating or conveying of information, invitation or solicitation, in print or on a website for the purpose of promoting or offering the sale of a deposit, including by means of—

(a) publication in any newspaper, magazine, journal or other periodical;

(b) display of banners, buntings, posters and notices; and

(c) circulars, handbills, brochures, pamphlets, books or other documents,

but excludes any billboards, stationery and promotional items;

“office” means a principal place of business, a branch, an agency, a mobile place of business, a place of business set up and maintained for a limited period only and any other place of business in Malaysia;

“return on total insured deposits” means the return certified and submitted by the deposit-taking member in the form and within such period as required under guidelines from time to time issued by the Corporation;

“instrument” means any agreement or document but excludes any bank slips, cheques, bank drafts, cards or any other communication constituting an interim form of validation, or recording or confirming the occurrence of a financial transaction, payment or collection;

“hybrid deposit” means a deposit that has components of both an insured deposit and an uninsured deposit;

“hybrid product” means a product that has components of both—

(a) an insured deposit or an uninsured deposit; and

(b) a non-deposit product;

“non-deposit product” includes a unit trust scheme, insurance plan, takaful plan, conventional credit facility and Islamic credit facility.

Instruments evidencing insured deposits

3. (1) Where a deposit-taking member issues any instrument in writing or by electronic means that evidences an insured deposit, the deposit-taking member shall include, on its face, one of the following statements or a statement having substantially the same meaning:

- (a) “Eligible for protection by PIDM”; or
- (b) “Eligible for protection by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”.

(2) Where a deposit-taking member issues any instrument in writing or by electronic means that evidences more than one insured deposit, the deposit-taking member shall include one of the statements specified in subregulation (1) close to that part of the instrument evidencing each insured deposit.

Instruments evidencing uninsured deposits

4. (1) Where a deposit-taking member issues any instrument in writing or by electronic means that evidences an uninsured deposit, the deposit-taking member shall include on its face any one of the following statements or a statement having substantially the same meaning:

- (a) “Not insured by PIDM”; or
- (b) “Not insured by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”.

(2) Where a deposit-taking member issues any instrument in writing or by electronic means that evidences more than one uninsured deposit, the deposit-taking member shall include one of the statements specified in subregulation (1) close to that part of the instrument evidencing each uninsured deposit.

Instruments evidencing hybrid deposits

5. (1) Where a deposit-taking member issues an instrument that evidences a hybrid deposit to any person in writing or by electronic means, such instrument shall bear on its face—

- (a) a statement to identify which component is an insured deposit and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 3(1) may be used in respect of such insured deposit component; and
- (b) a statement to identify which component is an uninsured deposit and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 4(1) may be used in respect of such uninsured deposit component,

to make a clear distinction between the insured deposit component and the uninsured deposit component of the hybrid deposit.

(2) Where a deposit-taking member issues an instrument that evidences more than one hybrid deposit to any person in writing or by electronic means, such instrument shall bear, for each hybrid deposit, close to that part of the instrument evidencing the hybrid deposit—

- (a) a statement to identify which component is an insured deposit and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 3(1) may be used in respect of such insured deposit component; and
- (b) a statement to identify which component is an uninsured deposit and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 4(1) may be used in respect of such uninsured deposit component,

to make a clear distinction between the insured deposit component and the uninsured deposit component of each hybrid deposit.

Instruments evidencing hybrid products

6. (1) Where a deposit-taking member issues an instrument that evidences a hybrid product to any person in writing or by electronic means, such instrument shall bear on its face—

- (a) where the hybrid product has as its component an insured deposit, a statement to identify that component and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 3(1) may be used in respect of such insured deposit component; or
- (b) where the hybrid product has as its component an uninsured deposit, a statement to identify that component and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 4(1) may be used in respect of such uninsured deposit component,

to make a clear distinction between the insured deposit or uninsured deposit component and the non-deposit product component of the hybrid product.

(2) Where a deposit-taking member issues an instrument that evidences more than one hybrid product to any person in writing or by electronic means, such instrument shall bear for each hybrid product, close to that part of the instrument evidencing the hybrid product—

- (a) where the hybrid product has as its component an insured deposit, a statement to identify that component and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 3(1) may be used in respect of such insured deposit component; or
- (b) where the hybrid product has as its component an uninsured deposit, a statement to identify that component and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 4(1) may be used in respect of such uninsured deposit component,

to make a clear distinction between the insured deposit or uninsured deposit component and the non-deposit product component of each hybrid product.

Instruments evidencing multiple deposits and products

7. Where a deposit-taking member issues an instrument that evidences one or more insured deposits, uninsured deposits, hybrid deposits and hybrid products to any person in writing or by electronic means, such instrument shall distinguish each insured deposit, uninsured deposit, hybrid deposit and hybrid product, and shall bear close to that part of the instrument evidencing each—

- (a) insured deposit, one of the statements specified in subregulation 3(1);
- (b) uninsured deposit, one of the statements specified in subregulation 4(1);
- (c) hybrid deposit, one of the statements specified in subregulation 3(1) and one of the statements specified in subregulation 4(1) to make a clear distinction between the insured deposit component and the uninsured deposit component; and
- (d) hybrid product, one of the statements specified in—
 - (i) subregulation 3(1), where the hybrid product has as its component an insured deposit; or
 - (ii) subregulation 4(1), where the hybrid product has as its component an uninsured deposit,

to make a clear distinction between the insured deposit or uninsured deposit component and the non-deposit product component of the hybrid product.

Unit trust schemes

8. Before a sale of any units in a unit trust scheme by a deposit-taking member to any person, the deposit-taking member shall obtain an acknowledgement from such person that the deposit-taking member has disclosed to him that—

- (a) unit trust schemes and units in such schemes are not insured by the Corporation; and
- (b) any money withdrawn from an insured deposit for the purpose of purchasing any units in a unit trust scheme is not insured by the Corporation.

General

9. (1) A deposit-taking member shall make true, correct and complete representations with respect to—

- (a) what constitutes, or does not constitute, an insured deposit; and
- (b) its status as a deposit-taking member.

(2) A deposit-taking member shall not make a representation with respect to any of the matters referred to in paragraphs 1(a) and (b) if its membership has been cancelled or terminated under sections 38 and 39 of the Act.

Membership representations

10. (1) In respect of its status as a deposit-taking member, the deposit-taking member shall make at least one of the following representations, or a representation having substantially the same meaning as any of the following representations, in its advertisements:

- (a) “Member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia” or “A Perbadanan Insurans Deposit Malaysia member”;
- (b) “Member of PIDM” or “A PIDM member”;
- (c) “(name of the deposit-taking member) is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia”; or
- (d) “(name of the deposit-taking member) is a member of PIDM”.

(2) The representations made in subregulation (1) shall be of such size and print as to be clearly legible.

Proximity of membership representations

11. (1) Where the advertisement deals with any insured deposit, one of the representations specified in subregulation 10(1) shall appear close to the name of the deposit-taking member and one of the statements set out in subregulation 3(1) shall appear close to that part of the advertisement dealing with the insured deposit.

(2) Where the advertisement deals with any uninsured deposit, one of the representations specified in subregulation 10(1) shall appear close to the name of the deposit-taking member and one of the statements set out in subregulation 4(1) shall appear close to that part of the advertisement dealing with the uninsured deposit.

(3) Where the advertisement deals with any hybrid deposit, one of the representations specified in subregulation 10(1) shall appear close to the name of the deposit-taking member, and for the purpose of making a clear distinction between the insured deposit component and the uninsured deposit component of the hybrid deposit, the following statements shall appear close to that part of the advertisement dealing with the hybrid deposit:

- (a) a statement to identify which component is an insured deposit and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 3(1) may be used in respect of such insured deposit component; and
- (b) a statement to identify which component is an uninsured deposit and for such purpose, one of the statements specified in subregulation 4(1) may be used in respect of such uninsured deposit component.

(4) Where the advertisement deals with any hybrid product, one of the representations specified in subregulation 10(1) shall appear close to the name of the deposit-taking member, and for the purpose of making a clear distinction between the insured deposit or uninsured deposit component and the non-deposit product component of the hybrid product, either of the following statements shall appear close to that part of the advertisement dealing with the hybrid product:

- (a) where the hybrid product has as its component an insured deposit, a statement to identify that component and for such purpose one of the statements specified in subregulation 3(1) may be used in respect of such insured deposit component; or
 - (b) where the hybrid product has as its component an uninsured deposit, a statement to identify that component and for such purpose one of the statements specified in subregulation 4(1) may be used in respect of such uninsured deposit component.
- (5) This regulation applies whether the advertisement refers—
- (a) only to a deposit-taking member; or
 - (b) to a deposit-taking member and a person other than a deposit-taking member.

Brochures on deposit insurance

12. (1) The Corporation shall supply to each deposit-taking member copies of a brochure that may include any of the following:

- (a) general information about the Corporation;
- (b) contact information for the Corporation;
- (c) the Corporation's logo or other identifiers;
- (d) information as to what constitutes an insured deposit;
- (e) information as to what constitutes an uninsured deposit;
- (f) the maximum amount of deposit insurance coverage provided by the Corporation; and
- (g) such other information as may be determined by the Corporation to be relevant to the depositor.

(2) The Corporation may from time to time update the information contained in the brochure and supply copies of the updated brochure to each deposit-taking member for its distribution to all its offices.

Display of brochures

13. (1) A deposit-taking member shall, within such period as deemed necessary or expedient by the Corporation, display prominently copies of the brochure referred to in subregulation 12(1) at each of its offices and shall make such copies of the brochure available to depositors or other persons.

(2) A deposit-taking member shall, on its home page or its screensaver on each automated teller machine, inform depositors or other persons that copies of the brochure are so available at each of its offices and that a copy of the brochure may be obtained at any of its offices or in the website of the Corporation, and on the website of the deposit-taking member, as the case may be.

Membership signs

14. (1) A deposit-taking member shall display a membership sign provided by the Corporation, in such form including such size and proportion as may be required by the Corporation, prominently at each entrance to each of its offices in such a manner that the membership sign is clearly visible.

(2) When a deposit-taking member vacates an office, it shall remove all membership signs from the vacated office.

(3) A deposit-taking member shall display the membership sign provided by the Corporation—

- (a) at the website of the deposit-taking member in accordance with regulation 15; and
- (b) on the deposit-taking member's screensaver or home page at each automated teller machine.

Deposit insurance information on website

15. (1) Where a deposit-taking member has its own website or shares a website with another deposit-taking member, the deposit-taking member shall—

- (a) display on that website the membership sign referred to in subregulation 14(3)—
 - (i) on the home page or wherever there are representations relating to insured deposits; or
 - (ii) on a webpage, to which a hyperlink is provided at a location referred to in subparagraph (i) that describes that page as the location where the membership sign is displayed; and
- (b) either—
 - (i) display the brochure referred to in subregulation 12(1) on a webpage of that website, to which a hyperlink is provided at a location referred to in subparagraph (a)(i) that describes that page as the location where the brochure is displayed; or
 - (ii) provide a hyperlink at a location referred to in subparagraph (a)(i) to the Corporation's webpage containing the such brochure.

(2) Where a deposit-taking member shares a website with a person other than a deposit-taking member, the deposit-taking member shall—

(a) display on that website the membership sign referred to in subregulation 14(3)—

(i) where there are representations relating to insured deposits; or

(ii) on a webpage, to which a hyperlink is provided at the location referred to in subparagraph (i) that describes that page as the location where the membership sign is displayed; and

(b) either—

(i) display the brochure referred to in subregulation 12(1) on a webpage of that website, to which a hyperlink is provided at a location referred to in subparagraph (a)(i) that describes that page as the location where the brochure is displayed; or

(ii) provide a hyperlink at a location referred to in subparagraph (a)(i) to the Corporation's webpage containing such brochure.

(3) Where the membership sign is displayed by a deposit-taking member in accordance with paragraph (1)(a) or (2)(a), changes may be made to its overall sizing for the purpose of the electronic display but only if the proportions of the membership sign, as provided by the Corporation, are maintained and the membership sign is of such size as to be clearly legible.

Provision of information on deposits

16. A deposit-taking member shall provide to the Corporation as required by the Corporation in accordance with guidelines from time to time issued by the Corporation—

(a) such information relating to all deposits, or other liabilities or financial instruments that are offered by the deposit-taking member; and

(b) such information relating to any new deposits, or other liabilities or financial instruments, before they are offered for sale.

Register of insured deposits

17. (1) A deposit-taking member shall prepare a register of insured deposits.

(2) The register shall contain each type of insured deposit.

(3) The register shall be kept updated as and when any new liability or financial instrument that constitutes an insured deposit that is offered for sale, or when there are no longer any outstanding liabilities with regard to an insured deposit.

(4) The register shall be—

- (a) prominently displayed in printed form at the deposit-taking member's offices where deposit-taking activities are carried out; or
- (b) in the deposit-taking member's website.

(5) Where the register is in a deposit-taking member's website under paragraph (4)(b), the deposit-taking member shall prominently display at its offices where deposit-taking activities are carried out a notice informing the public that the register is available in the deposit-taking member's website.

(6) A deposit-taking member shall provide, free of charge, a copy of the register to any person on request.

(7) A deposit-taking member shall submit a copy of the register updated as at 31 May of each year to the Corporation at the same time as the submission of the return on total insured deposits.

Acknowledgement by depositors

18. (1) Each of the statements made under any of regulations 3, 4, 5, 6, 7 and 8 shall be of such size and print as to be clearly legible.

(2) Any deposit-taking members shall, immediately before the opening of any account or the purchase of any insured deposit or uninsured deposit by any person from the deposit-taking member—

- (a) draw the attention of such person to the statement made under any of regulations 3, 4, 5 and 6 with respect to whether the money that the deposit-taking member has received is an insured deposit or an uninsured deposit;
- (b) provide such person with a copy of any brochure supplied by the Corporation in accordance with subregulation 12(1); and
- (c) request for an acknowledgement in writing from such person that he has been notified of the statement under paragraph (a) and has received the brochure under paragraph (b).

Form of presentation

19. The Corporation may specify in the guidelines such form and manner for making or submitting any representation, statement or other information required by these Regulations.

Submission of information

20. A deposit-taking member shall submit to the Corporation the following information when so required by the Corporation and within such period as deemed necessary or expedient by the Corporation:

- (a) a profile of insured deposits, uninsured deposits, hybrid deposits and hybrid products;

- (b) a detailed description of the method used by the deposit-taking member to compile information on insured deposits and uninsured deposits; and
- (c) any details of the accounts of depositors as may be determined by the Corporation including but not limited to depositors' names, addresses, identity card numbers and business registration numbers, the balances outstanding (including all interest or return due or payable) in their respective accounts at any period determined by the Corporation, and, the maturity dates of deposits in their respective accounts, as the case may be.

Made 21 January 2011
[PIDM/PN/1/2011; PN(PU²)689]

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ BIN HAJI TAHA
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved 21 January 2011
[KK/BPKA/K1/(S)/382/342/3-1 Jld. 4; PN(PU²)689]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]